

D366

U 8002 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN
(I)

BELGRADE! 4 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN YUGOSLAVIA TELAH BERSETUJU MEWUJUDKAN JALINAN HUBUNGAN PENGANTARA DALAM USAHA MENINGKATKAN DAGANGAN DUA HALABAGI FAEDAH JANGKA PANJANG KEDUA-DUA NEGARA BERKENAAN.

PERSETUJUAN ITU DICAPAI SEMASA RUNDINGAN ANTARA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI YUGOSLAVIA, ENCIK ANTE MARCOVIC.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG BERADA DISINI UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK KESEMBILAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, DIJADUAL MEMBENTANGKAN UCAPAN DASARNYA PADA TENGAH HARI INI SEBAGAI PEMIMPIN KETIGA YANG BERUCAP PADA HARI PEMBUKAAN.

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, DATUK ABDUL MAJID MOHAMED MEMBERITAHU WARTAWAN MALAYSIA DI SINI HARI INI BAHAWA DI BAWAH KONSEP CADANGAN JALINAN HUBUNGAN PENGANTARA ITU, PARA PENGELUAR BARANGAN MALAYSIA AKAN DIGALAK MENGGUNAKAN YUGOSLAVIA SEBAGAI PANGKALAN MEREKA UNTUK MEMASUKIPASARAN SELATAN DAN TIMUR EROPAH SELAIN PASARAN YUGOSLAVIA SENDIRI.

DI SAMPINGITU, AHLI PERNIAGAAN YUGOSLAVIA JUGA DIJANGKA MENGGUNAKAN MALAYSIA SEBAGAI PANGKALAN MEREKA UNTUK MEMASUKI PASARAN ASEAN, JEPUN, KOREA SELATAN DAN PANTAI BARAT AMERIKA SYARIKAT. -- LAGI.

1826MST 04 09 89

D368

U 8003 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN 2 BELGRADE RRR

DATUK ABDUL MAJID BERKATA KEDUA-DUA PIHAK BERHARAP MEREKA DAPAT MENGEMUKAKAN RANCANGAN KHUSUS MENGENAI CADANGAN ITU.

SAMBIL MENYIFATKAN RUNDINGAN ITU SEBAGAI BERGUNA, BELIAU BERKATA KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU BAHAWA HUBUNGAN DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA SEKARANG ADALAH AMATBAIK.

KEDUA-DUA PEMIMPIN JUGA MENYEDARI BAHAWA HUBUNGAN EKONOMI KEDUA-KEDUA NEGARA PERLU DITINGKATKAN DAN SEBAGAI LANGKAH PERTAMA MEREKA BERSETUJU UNTUK MENAMBAH BILANGAN ANGGOTA DALAM SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-YUGOSLAVIA YANG ADA SEKARANG DENGAN MEMASUKKAN WAKIL SEKTOR SWASTA DARI KEDUA-DUA NEGARA.

DATUK ABDUL MAJID BERKATA SEMASA RUNDINGAN ITU PERDANA MENTERI YUGOSLAVIA JUGA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI USAHANYA UNTUK MEMPERTINGKATKAN EKONOMI NEGARNYA.

YUGOSLAVIA TELAH MELANCARKAN SATU DASAR EKONOMI BARU, YANG ANTARA LAIN MENEKANKAN SUPAYA DIADAKAN KAWALAN PERDAGANGAN DAN TUKARANASING YANG LEBIH LIBERAL, KATA DATUK ABDUL MAJID. -- LAGI.
1830MST 04 09 89

D371

U 007 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN 3 BELGRADE RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR DIBERITHAU BAHAWA DASAR ITU SUDAH HULA MENUNJUKKAN HASIL.

SEJAK ENAM BULAN LEPAS NEGARA ITU BERJAYA MENINGKATKAN EKSPORTNYA SEHINGGA 12 PERATUS SEMENTARA SIMPANAN TUKARAN ASINGNYA BERTAMBAH SEHINGGA AS\$2,300JUTA.

DISAMPINGITU, IA JUGA BERJAYA MEMBAYAR BALIK HUTANG ASINGNYA KIRA-KIRA AS\$2,300JUTA DALAM TEMPOH YANG SAMA.

DATUK ABDUL MAJID YAKIN BAHAWA PROSPEK PENGEMBANGAN PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA DAN YUGOSLAVIA PADA MASA DEPAN ADALAH CERAH DENGAN ADANYA PEMBANGUNAN SEDEMIKIAN DI NEGARA SOSIALIS BERKENAAN.

IA JUGA MEMBERIKAN PETANDA YANG BAIK BAGI USAHASAMA MASA DEPAN. -- LAGI.

1836MST 04 09 89

U 013 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN 4 BELGRADE RRR

DATUK ABDUL MAJID BERKATA ENCIK MARCOVIC JUGA MENYATAKAN BAHAWA NEGARANYA BERMINAT UNTUK TURUT SERTA DALAM PROJEK-PROJEK SEKTR AWAH DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMBUT BAIK KENYATAAN ITU DAN MEMBERITAHU RAKAN SEJAWATANNYA BAHAWA PARA PENIAGA YUGOSLAVIA PERLU BERSAING UNTUK MENDAPATKAN PROJEK-PROJEK SEUMPAMA ITU KERANA TENDER AKAN DIBUKA DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

DI SAMPINGITU, PERDANA MENTERI JUGA MEMPELAWA YUGOSLAVIA MENGAJI KEMUNGKINAN MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN KERETA DI MALAYSIA SECARA USAHASAMA.

YUGOSLAVIA TERKENAL DALAM BIDANGINI KERANA IA JUGA MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN BAGI KERETA JENAMA TERTENTU BUATAN JERMAN SEKARANG.

SEMASA RUNDINGAN 90 MINIT ITU DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGUNDANG ENCIK MARCOVIC MELAWAT MALAYSIA. -- BERNAMA.

1847MST 04 09 89

U 8072 AAB